



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 3 (60)

Tarikh : 29 September 2020

**Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Jabatan Pendidikan Negeri**

Tuan/Puan,

**COVID-19: UJIAN SARINGAN SERTA PERINTAH PEMERHATIAN DAN PENGAWASAN
DI RUMAH DALAM KALANGAN INDIVIDU YANG ADA SEJARAH PERJALANAN
PULANG DARI NEGERI SABAH**

Dengan segala hormatnya surat daripada Ketua Setiausaha KPM.100-1/5/1 Jld.5 (91) bertarikh 28 September 2020 berkaitan perkara di atas dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil perhatian serius dengan peningkatan kes dan kluster COVID-19 di negeri Sabah pada masa ini. KPM akur dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti yang dimaklumkan menerusi surat siaran oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia pada 25 September 2020.

3. Oleh yang demikian, pegawai, guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) yang pulang dari Sabah bermula 27 September sehingga 10 Oktober 2020 hendaklah mematuhi arahan berikut:

- 3.1 Memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera dan daftar masuk (*check in*) menggunakan aplikasi tersebut seurus tiba di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Negara;
- 3.2 Menjalani saringan gejala jangkitan saluran pernafasan dan ambil *swab* bagi ujian pengesanan COVID-19 seurus tiba di PMA;
- 3.3 Menjalani pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO) dan memakai gelang tangan (*wristband*) yang diberikan. Tarikh HSO bermula dari tarikh tiba di PMA sehingga keputusan makmal diperolehi. Pelepasan HSO akan diberikan sekiranya ujian makmal negatif COVID-19; dan
- 3.4 Sekiranya mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pulang, kakitangan terbabit hendaklah menjalani ulangan ujian COVID-19.

4. Semua pegawai, guru dan AKP yang pulang dari negeri Sabah diingatkan supaya mematuhi arahan pengawasan dan pemerhatian (HSO) serta mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi meminimumkan kontak rapat. Mereka yang berkenaan perlu bekerja dari rumah sehingga menerima pelepasan HSO dari pihak berkenaan dan perlu melaporkan status bekerja dari rumah kepada Ketua Jabatan masing-masing serta memastikan sentiasa dapat dihubungi sepanjang waktu bekerja.

...2/-

Sila catatkan rujukan Pejabat ini apabila berhubung

5. Kerjasama tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada semua pegawai di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah kawalan pihak tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



HAJJ ADZMAN BIN TALIB

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. SUSK YB Menteri Kanan Pendidikan
2. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia